

30 JAN 1996

Mahathir-Sabah

JAWATAN KM SABAH DIGILIR JIKA TIADA KONSENSUS, KATA PM

KUALA LUMPUR, 30 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hari ini beliau akan berpegang kepada janjinya untuk menggilirkan jawatan Ketua Menteri Sabah sekiranya parti-parti komponen Barisan Nasional (BN) negeri itu tidak dapat mencapai konsensus mengenainya.

"Kita berpegang kepada janji kita," kata Perdana Menteri ketika ditanya pemberita berhubung isu itu selepas melancarkan "Multimedia Malaysia '96", ekspo dan persidangan multimedia di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Beliau berkata BN boleh menyelesaikan isu itu dan tidak perlu diadakan pilihan raya negeri seperti yang dicadangkan oleh Parti Bersatu Sabah.

"Ia bukan satu masalah, ia masalah media sahaja. Bukan masalah saya," kata beliau.

Kesemua lapan parti komponen BN di Sabah bersetuju menyerahkan kepada Perdana Menteri untuk membuat keputusan muktamad mengenai penggiliran jawatan itu yang kini disandang oleh Datuk Salleh Said Keruak dari UMNO yang dijangka melepaskan jawatannya pada 17 Mac.

UMNO Sabah pada mesyuaratnya Sabtu lepas bersetuju untuk menyerahkan kepada Dr Mahathir untuk membuat pendirian dan keputusan bagi pihak UMNO negeri itu berhubung cadangan berkenaan.

Salleh yang juga Ketua Perhubungan UMNO Sabah, memberitahu pemberita selepas mesyuarat itu bahawa beliau akan menyampaikan keputusan itu kepada Perdana Menteri sedikit masa lagi dan sebarang keputusan yang akan dibuat oleh Dr Mahathir "tetap akan dipatuhi".

Cadangan menggilirkan jawatan Ketua Menteri di kalangan pemimpin tiga kaum terbesar negeri itu -- Bumiputera Islam, Bumiputera bukan Islam dan Cina -- dibuat Perdana Menteri di Beaufort, Sabah ketika pilihan raya negeri Februari 1994.

Bagaimanapun, beberapa pihak mahukan cadangan itu dikaji semula bagi menjamin kestabilan politik negeri itu.

Jika sistem itu dilaksanakan tempoh Salleh sebagai Ketua Menteri dijadualkan berakhir 17 Mac ini dan selepas itu, pemimpin Parti Maju Sabah (SAPP) dijangka mengambil alih.

Kepada satu soalan, Dr Mahathir berkata jika BN tidak melaksanakan janjinya untuk menggilirkan jawatan itu, ia akan dilemparkan dengan pelbagai tuduhan.

Bagaimanapun, beliau berkata BN bersedia mengkaji cadangan itu jika kesemua parti komponen BN Sabah bersetuju untuk tidak menggilirkan jawatan Ketua Menteri itu.

"Kalau semua orang bersetuju, saya boleh tukar (sistem penggiliran itu)," kata Perdana Menteri.

Beliau berkata lagi; "Kita kena buat analisis tentang janji itu. Apa yang dimaksudkan dengan janji itu (dan) lepas itu kita peganglah kepada janji kita...BN biasanya pegang pada janjinya."

Dr Mahathir berkata beliau belum menerima sebarang cadangan atau keputusan daripada BN Sabah mengenai sistem penggiliran itu.

"Saya tanya sama ada mereka serah kepada saya atau pun tidak. Sampai sekarang ini saya belum mendapat apa-apa maklumat lagi," kata beliau.

Ketika ditanya mengenai langkah beliau seterusnya selepas menerima cadangan daripada BN Sabah, Perdana Menteri berkata beliau akan menimbangkannya.

Dr Mahathir juga berkata BN tidak bercadang untuk mengadakan mesyuarat bagi membincangkan isu itu. -- BERNAMA

